Kong Kok Kyt dan satu lagi lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — RAYUAN JENAYAH NO 42S-52–10 TAHUN 2011
ZAINAL ADZAM H
30 JULAI 2012

Prosedur Jenayah — Hukuman — Kesalahan pemerdagangan orang — Kesalahan yang serius — Sama ada hukuman yang dikenakan adalah tepat dan memenuhi kehendak-kehendak kepentingan awam serta pencegahan — Sama ada kesalahan tidak dapat belas kasihan mahkamah jika disabitkan

Prosedur Jenayah — Pertuduhan — Kesalahan pemerdagangan orang — Pertuduhan tidak menyebut berkenaan cara perayu-perayu eksploitasi — Sama ada peninggalan dalam pertuduhan tidak material — Sama ada tertuduh tidak terkeliru — Sama ada tidak berlaku ketidakadilan — Kanun Tatacara Jenayah s 156

Undang-Undang Jenayah — Kesalahan pemerdagangan orang — Niat bersama — Sama ada kedua-dua perayu mempunya niat bersama dalam melakukan kesalahan — Sama ada dibuktikan — Akta Antipemerdagangan Orang 2007 s 13

Undang-Undang Jenayah — Kesalahan pemerdagangan orang — Sabitan dan hukuman — Rayuan terhadap — Eksploitasi wanita warganegara Vietnam bagi pelacuran — Sama ada unsur-unsur eksploitasi dibuktikan — Sama ada pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua perayu — Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ss 2, 13, 16 & 17

Kedua-dua perayu ('perayu pertama dan perayu kedua') telah dituduh atas pertuduhan pemerdagangan dua orang perempuan warganegara Vietnam iaitu Pham Ngoc Hoa (Pham) dan Nguyen Thi My Tuyen (Tuyen). Setelah perbicaraan penuh di Mahkamah Sesyen Ipoh, kedua-dua perayu telah didapati bersalah dan telah disabitkan dengan pertuduhan tersebut dan dihukum penjara sepuluh tahun dan denda RM2,000 (gagal bayar dua bulan penjara) masing-masing. Kedua-dua perayu telah merayu terhadap keputusan dan hukuman tersebut. Berdasarkan daripada keterangan Pham dan Tuyen, kedua-dua mereka datang ke Malaysia kerana memerlukan pekerjaan. Pham dijanjikan pekerjaan oleh perayu kedua di Malaysia sebagai penjahit baju di kilang dan Tuyen datang ke Malaysia disebabkan tidak ada pekerjaan di

Singapura. Oleh kerana ketiadaan wang, kedua-dua mereka berhutang dengan perayu kedua, Pham pada asalnya berhutang RM3,000 untuk tambang tiket penerbangan ke Malaysia dan Tuyen berhutang tambang teksi ke Malaysia dari Singapura. Apabila sampai di Malaysia, mereka diarahkan oleh perayu kedua untuk bekerja di pusat karaoke atau pub sebagai pelayan serta sebagai pelacur kepada pelanggan yang berurusan dengan perayu kedua. Kedua-dua mereka tidak ada pilihan kerana, pertama, kedua-dua mereka memerlukan pekerjaan; kedua, mereka berhutang wang daripada perayu-perayu bagi tambang ke Malaysia, sewa rumah, eletrik, makanan serta kemudiannya RM3,000 tiap-tiap seorang bagi wang jaminan di mahkamah. Juga, kedua-dua mereka tidak ada sesiapa atau kenalan di Malaysia serta tidak faham dan tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia. Dalam keadaan sedemikian, perayu-perayu telah mengambil kesempatan ke atas kesulitan-kesulitan Pham dan Tuyen untuk memaksa kedua-dua mereka bekerja sebagai pelacur di pusat karaoke tersebut untuk keuntungan. Mengikut Pham dan Tuyen pasport-pasport mereka disimpan oleh perayu-perayu dan mereka tidak bebas keluar masuk rumah berkenaan yang tingkapnya tertutup dari dalam serta pintu-pintunya sentiasa berkunci. Keterangan-keterangan Pham dan Tuyen disokong oleh keterangan-keterangan SP3, SP5 dan pegawai penyiasat SP9. Pembelaan perayu-perayu merupakan penafian terlibat dengan kesalahan pemerdagangan Pham dan Tuyen atau dengan eksploitasi dan apa-apa perdayaan terhadap mereka. Perayu-perayu menyalahkan seorang yang bernama 'Lim Wee Lee' (Lim), teman rapat Tuyen, yang bertanggungjawab memperdagangkan Pham dan Tuyen. Lim ialah orang yang mendapatkan pelanggan untuk Pham dan Tuyen bagi aktiviti pelacuran mereka. Juga, Pham dan Tuyen telah membayar Lim dengan pendapatan mereka dalam aktiviti pelacuran untuk bersuka ria bersama Lim. Perayu-perayu menegaskan bahawa kedatangan Pham dan Tuyen ke Malaysia adalah secara kebetulan dan dengan kerelaan Pham dan Tuyen sendiri. Perayu-perayu kononnya tidak memaksa dan menjanjikan apa-apa pekerjaan kepada Pham dan Tuyen.

Diputuskan, menolak rayuan perayu-perayu dan mengekalkan keputusan serta hukuman mahkamah sesyen:

(1) Keterangan Pham dan Tuyen meyakinkan kerana sekiranya mereka tidak mengalami trauma dan kerisauan sudah tentu mereka tidak perlu melarikan diri pada waktu malam dengan hanya berpakaian baju tidur, tidak berkasut serta tanpa paspot mereka. Cara kedua-dua mereka terpaksa keluar daripada rumah tersebut mengesahkan bahawa pergerakan kedua-dua mereka dikawal ketat oleh kedua-dua perayu dengan pintu-pintu rumah sentiasa berkunci dan kunci dipegang hanya oleh perayu-perayu. Jelas daripada segi kesalahan di bawah s 13 Akta, kedua-dua mereka merupakan orang-orang yang diperdagangkan dan dieksploitasi oleh perayu-perayu dengan cara bukan saja telah diperdayakan oleh perayu-perayu tetapi juga dengan cara ancaman ke

atas kedua-dua Pham dan Tuyen. Juga daripada segi s 13, perayu-perayu juga telah menyalahgunakan kedudukan bermasalah Pham dan Tuyen yang terhutang wang kepada perayu-perayu serta tidak boleh berbahasa Malaysia. Pham dan Tuyen juga tidak ada kenalan di Malaysia serta tidak mempunyai permit kerja untuk bekerja secara sah di Malaysia. Perayu-perayu telah mengambil kesempatan dengan mengawal ketat kebebasan kedua-dua Pham dan Tuyen (lihat perenggan 20).

(2) Niat bersama sukar untuk dibuktikan secara langsung tetapi biasanya diinfer daripada keseluruhan keterangan. Dalam kes ini keterangan-keterangan pihak pendakwaan jelas menunjukkan bahawa kedua-dua perayu mempunyai niat bersama memperdagangkan Pham dan Tuyen. Walaupun perayu kedua yang mula memperdayakan Pham untuk datang ke Malaysia dari Vietnam, sebaik sahaja Pham masuk ke Malaysia perayu pertama terlibat secara langsung dengan menguruskan Pham dalam kegiatan pelacuran. Perayu pertama mengawal kedua-dua mereka dalam urusan pergi ke hotel dan rumah pelanggan-pelanggan bagi tujuan tersebut. Rumah kedua-dua mereka tinggal bersama perayu juga dikawal dengan pintu-pintu sentiasa berkunci dengan anak kunci dipegang hanya oleh perayu-perayu. Tingkap-tingkap rumah tersebut juga ditutup sentiasa supaya tidak kelihatan daripada luar. SP9 mengesahkan keadaan pintu dan tingkap-tingkap rumah perayu-perayu seperti mana dinyatakan oleh Pham dan Tuyen serta juga keadaan kawalan pintu pusat karaoke di mana Pham dan Tuyen bekerja (lihat perenggan 21).

(3) Mustahil dua orang warga Vietnam yang berpelajaran setaraf darjah lima dan tingkatan satu sahaja, tanpa ada sesiapa kenalan di Malaysia serta tidak faham Bahasa Malaysia tanpa apa-apa sebab yang tertentu akan ke Malaysia. Pham dan Tuyen juga tidak ada permit kerja untuk bekerja di Malaysia. Pham mengikut perayu kedua daripada Vietnam dan disambut oleh perayu pertama di KLIA setibanya di Malaysia. Tuyen disambut oleh perayu-perayu di Johor Bahru. Perayu pertama sanggup datang daripada Sitiawan ke KLIA dan kedua-dua perayu sebelum itu datang ke Johor Bahru dan bawa balik kedua-dua mereka masing-masing ke Sitiawan ke rumah mereka. Usaha perayu-perayu bersusah payah menjemput dan membawa Pham dan Tuyen balik ke Sitiawan tidak mungkin satu perkara secara kebetulan tetapi memang dirancang terlebih dahulu oleh perayu-perayu. Mustahil juga bahawa kehadiran empat gadis Vietnam yang bekerja di pusat karaoke di rumah perayu-perayu adalah satu kebetulan. Daripada penelitian maksima semua keterangan dalam kes ini adalah didapati bahawa perayu-perayu telah gagal menyangkal kes pendakwaan dengan membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah (lihat perenggan 32).

[English summary

Both the appellants were charged for the offence of trafficking two Vietnamese women, namely Pham Ngoc Hoa ('Pham') and Nguyen Thi My Tuyen ('Tuyen'). After a full trial at the Ipoh Sessions Court, both the appellants were found guilty and convicted for the said charge and were each sentenced to 10 years imprisonment and a fine of RM2,000 (failing which two months imprisonment). Both the appellants appealed against the said decision and sentence. Based on the evidence of Pham and Tuyen, they both came to Malaysia as they were in need of employment. Pham was promised an employment in Malaysia as a tailor at a factory by the second appellant and Tuyen came to Malaysia as there was no employment in Singapore. Due to shortage of money, the two of them were indebted with the second appellant; Pham was initially in debt in the amount of RM3,000 for the flight tickets to Malaysia and Tuyen was in debt for the taxi fare from Singapore to Malaysia. Upon arriving in Malaysia, they were ordered by the second appellant to work in a karaoke centre or pub as attendants and prostitutes to the customers dealing with the second appellant. They had no choice because firstly, they were both in need of a job; and secondly, they were each indebted to the appellants for the fares to Malaysia, housing rental, electricity, food and subsequently RM3,000 each for the bond in court. In addition to that, they did not know anyone or had any friends in Malaysia nor did they understand or could speak Bahasa Malaysia. In such circumstances, the appellants took opportunity of Pham and Tuyen's obstacles to force them to work as prostitutes at the karaoke centre for profit. According to Pham and Tuyen, their passports were kept by the appellants and they were not free to go out of the house as the windows were shut from within and the doors were always locked. Pham and Tuyen's evidence were supported by that of SP3, SP5 and investigation officer, SP9. The appellants' defence were mere denial of involvement in the offence of trafficking Pham and Tuyen or of exploitation or manipulation of the two. The appellants shifted the blame to one 'Lim Wee Lee' ('Lim'), Tuyen's close friend, who was said to have been responsible for trafficking Pham and Tuyen. Lim was the person who would get customers for Pham and Tuyen for their prostitution activities. In addition to that, Pham and Tuyen had paid Lim with their income which derived from the prostitution activities to have fun with Lim. The appellants averred that Pham and Tuyen's coming to Malaysia was by coincidence and by their own accord. The appellants had not allegedly force or promise any employment to Pham and Tuyen.

Held, dismissing the appellants' appeal and affirming the decision of the sessions court:

(1) Pham and Tuyen's evidence were convincing because had they not experienced any traumas or worries, they would not have escaped at night by only wearing night gowns, without shoes and without their passports. The way the two of them had to escape the house confirmed that their

movements were being tightly controlled by the appellants with the house doors always locked and the keys being held by only the appellants. Visible from the offence under s 13 of the Act, the two of them were persons who were trafficked and exploited by the appellants in a way which was not only manipulative of the appellants but also by way of threatening both Pham and Tuyen. Also based on s 13, the appellants had abused Pham and Tuyen's difficult position of being indebted to the appellants and their inability of communicating in Bahasa Malaysia. Pham and Tuyen did not have any friends in Malaysia and did not have any working permit to legally work in Malaysia. The appellants took advantage and tightly controlled both Pham and Tuyen (see para 20).

(2) Common intention would be difficult to be directly proven but would usually be inferred based on the totality of evidence. In this case, the evidence of the prosecution clearly showed that both the appellants had a common intention of trafficking Pham and Tuyen. Even though the second appellant had cheated Pham into coming to Malaysia from Vietnam, right after Pham entered Malaysia, the first appellant was directly involved in managing Pham to be involved in prostitution activities. The first appellant had controlled them in their dealings of going to the hotel and the customers' house for the said purpose. The house which they both lived in together with the appellants was also controlled as the doors were always locked with the keys being held by only the appellants. The windows were always shut so that nothing could be seen from the outside. SP9 confirmed the condition of the door and windows of the appellants' house as stated by Pham and Tuyen and the condition of the controlling of the entrance where Pham and Tuyen were working (see para 21).

(3) It was impossible for two Vietnamese women who received education only up to standard five and form one, without any friends in Malaysia and without understanding Bahasa Malaysia, without any specific reasons, would come to Malaysia. Pham and Tuyen also did not have working permits to work in Malaysia. Pham only followed the second appellant from Vietnam and was fetched by the first appellant in KLIA upon her arrival in Malaysia. Tuyen was fetched by the appellants in Johor Bahru. The first appellant had came from Sitiawan to KLIA and both the appellants had came to Johor Bahru before that and brought the two of them, respectively to Sitiawan. The appellants' efforts of facing difficulties to take Pham and Tuyen to Sitiawan could not have been coincidential but must have been pre-arranged beforehand by the appellants. It was impossible that the presence of four Vietnamese girls working in Karaoke Centre living in the appellants' home was a coincidence. On maximum scrutiny of all the evidence in this case, it was found that the appellants had failed to rebut the prosecution's case by not raising any reasonable doubt (see para 32).]

Kes-kes yang dirujuk

(1)Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v PP [1987] 2 MLJ 336, MA (dirujuk)
Aik Ming (M) Sdn Bhd & Ors v Chang Ching Cheun & Ors and another appeal [1995] 2 MLJ 770; [1995] 3 CLJ 639, MR (dirujuk)
Alcontara a/l Ambroses Anthony v PP [1996] 1 MLJ 209, MP (dirujuk)
C Mohammad v PP [1974] 1 MLJ 25 (dirujuk)
Low Seng Wah v PP [1962] 1 MLJ 107 (dirujuk)
Pie bin Chin v PP [1985] 1 MLJ 234 (dirujuk)
Tan Kim Ho & Anor v PP [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ss 2, 13, 16, 17
Kanun Tatacara Jenayah ss 156, 173(h)(iii), 180(3)

(Hong Chew King & Co) bagi pihak perayu-perayu.
Nur Laila bt Mohamed Nazil (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Zainal Adzam H:

[1] Kedua-dua perayu ('perayu pertama' dan 'perayu kedua') telah dituduh atas pertuduhan seperti berikut:

> BAHAWA KAMU BERSAMA-SAMA DI ANTARA 10 Julai 2008 HINGGA 23 September 2008 JAM DI ANTARA 0800 PAGI HINGGA 0300 PAGI BERTEMPAT DI RUMAH NOMBOR 13A, TAMAN SRI KOH, KAMPUNG KOH, SITIAWAN DI DALAM DAERAH MANJUNG, DI NEGERI PERAK DENGAN NIAT BERSAMA TELAH MELAKUKAN PEMERDAGANGAN ORANG DUA PEREMPUAN YANG BUKAN MERUPAKAN SEORANG KANAK-KANAK DENGAN PERDAYAAN IAITU PHAM NGOC HOA, WARGANEGARA VIETNAM, PASSPORT: B 2065149 DAN NGUYEN THI MY TUYEN WARGANEGARA VIETNAM, PASSPORT: 2016261. OLEH YANG DEMIKIAN KAMU TELAH MELAKUKAN SUATU KESALAHAN DIBAWAH AKTA ANTI PEMERDAGANGAN ORANG 2007 DIBACAKAN BERSAMA SEKSYEN 34 KANUN KESEKSAAN YANG BOLEH DIHUKUM DIBAWAH PERUNTUKAN YANG SAMA

[2] Setelah perbicaraan penuh di Mahkamah Sesyen, Ipoh. Kedua-dua perayu telah didapati salah dan telah disabitkan ke atas pertuduhan tersebut dan dihukum penjara sepuluh tahun dan denda RM2,000 (gagal bayar dua bulan penjara) masing-masing. Kedua-dua perayu telah merayu terhadap keputusan dan hukuman tersebut.

[3] Seksyen 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ('Akta') memperuntukkan sedemikian:

Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi, dengan satu atau lebih cara yang berikut:

1. Ancaman
2. Penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain
3. Pemelarian
4. Fraud
5. Perdayaan
6. Penyalahgunaan kuasa
7. Penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah atau terdedah kepada bahaya perbuatan pemerdagangan orang atau pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah untuk memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang didagangkan, Melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum dan pemenjaraan selama tempoh tiga tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun, dan boleh juga didenda.

[4] 'Pemerdagangan Orang' ditakrifkan di s 2 Akta sebagai berikut:

pemerdagangan orang atau memperdagangkan orang ertinya perekrutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan atau penerimaam seseorang bagi maksud eksploitasi;

[5] Bagi kesalahan pemerdagangan orang, dua peruntukan dalam Akta adalah relevan. Pertama adalah s 16, iaitu, kerelaan orang yang diperdagangkan tak relevan dan s 17, iaitu, kelakuan seksual lampau tidak relevan. Kesalahan pemerdagangan orang dalam Akta adalah selaras dengan ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah berkuat kuasa pada 25 Disember 2003 (UN Protocol to Prevent, Suppress & Punish Trafficking in Persons, Especially Women and Children, Supplementary to the United Nations Convention against Transnational Organised Crime, article 3). Elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi kesalahan di bawah s 13 Akta telah dinyatakan oleh hakim mahkamah sesyen seperti berikut:

(a) tertuduh-tertuduh telah memperdagangkan Pham Ngoc Hua (Pham) dan Nguyen My Tuyen (Tuyen);

(i) Bagi tujuan eksploitasi;

(ii) Dengan cara memperdayakan Pham dan Tuyen; dan

(iii) Pham dan Tuyen adalah orang yang diperdagangkan.

(b) wujud niat bersama antara kedua-dua perayu.

Saya setuju dengan ketetapan tersebut oleh Hakim Mahkamah Sesyen sebagai tepat.

[6] Keterangan kes pendakwaan, dengan ringkas, adalah seperti berikut: SP3 merupakan seorang yang bekerja dengan sebuah NGO, 'Youth With A Mission' yang terlibat dengan menolong orang asing. Pada 23 September 2008 jam lebih kurang 9.30 pagi. SP3 telah terima panggilan telefon daripada Tenaganita, Kuala Lumpur untuk meminta SP3 tolong dua gadis Vietnam yang telah melarikan diri daripada kurungan sebagai pelacur di Sitiawan dan untuk membawa mereka ke Ibu Pejabat Polis, Ipoh, Bahagian 'Human Trafficking'. SP3 diberitahu untuk berjumpa dengan dua gadis tersebut di Stesyen Keretapi, Ipoh. SP3 telah ke sana dengan SP5, anak angkatnya. Di Stesyen Keretapi Ipoh, SP3 dan SP5 telah berjumpa dengan dua gadis Vietnam tersebut (Pham dan Tuyen) yang di bawa dari Sitiawan oleh seorang lelaki bernama 'Lim'. Mengikut Lim, dia jumpa dua gadis tersebut di Sitiawan keluar daripada rumput tidak berkasut pada 23 September 2008 jam lebih kurang 3 ke 4 pagi. SP3 dapati dua gadis tersebut berpakaian *pyjamas* sahaja dan dalam keadaan cemas serta menangis. Mengikut SP3 lagi mereka ada kesan luka-luka calar yang kecil pada kaki dan kelihatan terkejut. Kedua-dua mereka hanya membawa satu beg sahaja. Melalui SP5, yang menjadi jurubahasa bahasa Vietnam, gadis-gadis tersebut memberitahu bahawa mereka datang ke Malaysia sejak beberapa bulan dengan seorang perempuan Vietnam dari Malaysia. Mereka diberitahu oleh perempuan itu bahawa dia akan dapatkan kerja di Malaysia sebagai penjahit baju di kilang. Walau bagaimanapun, setiba di Malaysia mereka dibawa ke rumah yang tingkap-tingkapnya ditutup dan tidak boleh lihat luar. Mereka kemudian diberitahu bahawa mereka mesti bekerja sebab mereka sudah berhutang wang. Mereka kemudian dibawa ke pusat karaoke dan bekerja di situ sebagai pelacur. Kedua-dua mereka kemudian dibawa ke Balai Polis dan Pham telah membuat repot, P4. Dalam pemeriksaan balas, SP3 menyatakan bahawa kedua-dua perayu telah paksa mereka kerja kerana, Pham telah berhutang untuk tambang kapal terbang RM3,500 ke Malaysia dan Tuyen berhutang tambang masuk ke Malaysia daripada Singapura.

[7] SP5 merupakan seorang pelajar daripada Vietnam yang tinggal bersama SP3. Mengikut SP5, dia bersama SP3 telah ke Stesyen Keretapi, Ipoh pada 23 September 2008 dan telah berjumpa dua gadis Vietnam yang dibawa ke sana oleh Lim. Mengikut SP5, yang menjadi jurubahasa kedua-dua gadis tersebut sedang menangis dan tidak dapat menjawab soalan-soalan SP5 di situ. SP3 dan SP5 memutus untuk membawa mereka balik ke rumah SP3. Kedua-dua gadis tersebut sedang memakai baju tidur, tanpa berkasut serta mempunyai kesan-kesan calar di bahagian kaki mereka. Kemudian selepas diberi makanan mereka menjelaskan bahawa mereka hanya hendak pulang ke Vietnam tetapi mereka tiada paspot. Sebagai penjelasan kepada SP3, kedua-dua mereka menyatakan bahawa mereka telah dengar *boss* mereka bercakap dengan telefon bahawa dia bercadang menjual kedua-dua mereka ke Johor. Atas cadangan SP3 Pham telah membuat repot polis, P4. Di balai polis, SP5 sekali lagi telah menjadi jurubahasa dan dua gadis tersebut telah menjelaskan keadaan mereka

serta peranan kedua-dua perayu. Pihak polis, mengikut SP5 telah bawa dua gadis tersebut ke rumah berkenaan serta tempat kerja mereka di pusat karaoke. Di rumah berkenaan kedua-dua gadis tersebut telah mengambil beg-beg dan kain baju mereka. Kedua-dua SP3 dan SP5 telah menyatakan bahawa, daripada pemerhatian mereka, mereka percayai bahawa kedua-dua gadis Vietnam tersebut bercakap benar. SP9, pegawai penyiasatan, juga menyatakan bahawa pada masa mula-mula berjumpa dengan Pham dan Tuyen pada 25 September 2008 mereka dalam keadaan takut dan menangis.

[8] Pham dan Tuyen yang telah memberi keterangan mereka di hadapan Majistret Manjung dengan kehadiran kedua-dua perayu bersama peguambela mereka. Pham berasal daripada Vietnam. Oleh kerana keadaan kemiskinan dia hanya bersekolah bersamaan tahap tingkatan 1 di Malaysia. Dia telah berkahwinan tetapi telah bercerai dan mempunyai anak perempuan berumur lima tahun yang tinggal dengan ibu bapanya. Pham telah berjumpa dengan perayu kedua melalui seorang kenalan di Vietnam. Perayu kedua telah mengajak Pham ke Malaysia dengan berjanji Pham untuk mendapatkan pekerjaan di kilang kasut di Malaysia. Pham menaruh kepercayaan penuh kepada perayu kedua kerana dia nampak sangat simpati dengan keluarga Pham. Perayu kedua telah bayarkan tiket kapal terbang ke Malaysia untuk Pham tanpa apa-apa syarat. Pada 10 Julai 2008 Pham telah mengikut perayu kedua dengan menaikki kapal terbang ke Malaysia. Apabila sampai ke Malaysia, Pham dan perayu kedua disambut oleh perayu pertama di lapangan terbang. Dia dibawa dengan motokar oleh kedua-dua perayu ke Sitiawan. Sebaik tiba di Malaysia perayu kedua telah paksa Pham membayar balik RM3,500 wang tambang tersebut. Passport Pham dipegang oleh perayu kedua semenjak dalam penerbangan lagi. Di rumah berkenaan terdapat empat gadis Vietnam yang lain.

[9] Daripada 10 Julai 2008 Pham tiada kebebasan dan perlu bekerja di pusat karaoke dan balik ke rumah perayu-perayu. Empat gadis Vietnam yang lain juga bekerja di pusat karaoke. Bagi membayar balik wang tambang RM3,500 tersebut Pham bekerja di karaoke dan dikehendaki oleh perayu kedua melacurkan diri dengan mengadakan hubungan *sex* bersama pelanggan-pelanggan. Semua bayaran daripada pelanggan diambil oleh perayu-perayu sebagai bayaran balik wang hutang oleh Pham kepada perayu kedua. Perayu pertama mengawal Pham pada setiap masa dan hanya perayu pertama yang hantar Pham sekiranya diminta melayan pelanggan sama ada di rumah pelanggan atau di hotel. Pham menyatakan bahawa dia tak berani cuba larikan diri kerana tidak tahu cakap bahasa Malaysia dan juga tidak tahu tempat-tempat di Malaysia. Pham juga takut kepada perayu pertama. Pham telah merasakan bahawa dia telah menjadi mangsa.

[10] Pada 23 Julai 2008 jam lebih kurang 10.45 malam Pham bersama

Tuyen (dicamkan oleh Pham) serta lain-lain gadis yang bekerja di pusat karaoke telah ditangkap oleh pihak polis kerana bekerja tanpa permit kerja. Pada 6 Ogos 2008 Pham dan Tuyen telah dijaminkan oleh perayu-perayu. Pham diberitahu oleh perayu kedua bahawa jika tak mampu bayar wang jaminan RM300, mereka akan disimpan di penjara sekurang-kurang tiga ke enam bulan. Pham merasa takut dan hanya ingin kembali ke Vietnam. Oleh yang demikian Pham dan Tuyen telah setujui dijamin oleh perayu-perayu. Selepas menjamin kedua-dua mereka, perayu-perayu telah membawa kedua-duanya balik ke rumah perayu-perayu pada 9 September 2008. Di rumah tersebut Pham diingat oleh perayu kedua bahawa hutangnya kepada perayu-perayu telah menjadi RM6,500. Pham telah menyatakan bahawa tujuan perayu-perayu menjaminkan dia di mahkamah adalah untuk paksakannya terus melayan pelanggan-pelanggan untuk keuntungan.

[11] Daripada 9 Ogos 2008 hingga 23 September 2008 Pham di hantar oleh perayu pertama ke hotel dan rumah pelanggan untuk melayan mereka. Pada 23 September 2008 Pham diberitahu oleh perayu kedua bahawa dia merancang menghantar Pham ke pusat karaoke di Kuala Lumpur di mana Pham akan tinggal di tingkat atas supaya tidak dapat melarikan diri. Pham merasa cemas dan takut serta bimbang dia dijual kepada sindiket lain di Kuala Lumpur. Pada masa itu dia telah membuat keputusan untuk melarikan diri. Keputusan tersebut dibuat bersama dengan Tuyen. Pada jam 3pagi 23 September 2008 semasa perayu-perayu sedang tidur nyenyak, Pham dan Tuyen telah melarikan diri melalui lubang pintu yang berkunci di belakang rumah di tingkat bawah. Pham camkan pintu itu seperti gambar P2B. Sewaktu itu Pham dan Tuyen hanya berpakaian T-shirt dan seluar pendek. Pada malam itu mereka telah tahan sebuah motokar dan minta bantuan dengan pemandunya. Mereka telah memberitahu pemandu tersebut bahawa mereka takut kerana tidak ada paspot bersama mereka. Lelaki tersebut telah membawa mereka dan pada jam antara 9 ke 10 pagi keesokannya mereka telah bertemu dengan seorang perempuan bangsa Vietnam bersama ibu angkatnya ('SP3'). SP3 dan SP5 telah membawa kedua-dua mereka ke Balai Polis di mana Pham telah buat *report* P4.

[12] Dalam pemeriksaan balas Pham menjelaskan bahawa dia tidak memberitahu pihak polis bahawa dia dipaksa bekerja sebagai pelacur oleh kedua-dua perayu kerana dia tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia. Dia juga menjelaskan bahawa daripada 23 Julai 2008 hingga 9 September 2008 dia berada dalam penjara tanpa jaminan kerana tidak mahu perayu-perayu menjaminkannya. Akhir sekali dia dan Tuyen setuju perayu-perayu menjaminkan mereka sebab terlalu lama di penjara. Dalam pemeriksaan semula Pham menjelaskan bahawa pada mula-mula dia tak mahu perayu-perayu menjaminkannya sebab tak mahu kerja seperti dulu.

[13] Tuyen telah memberi keterangan bahawa dia bersekolah di Vietnam

sehingga setaraf darjah 5 di Malaysia sahaja kerana keadaan kemiskinan keluarganya. Dia telah berkahwin dan mempunyai dua anak. Kedua-dua anak berada bersama ibunya di Vietnam dan dia telah bercerai dengan suaminya. Pada mulanya dia bekerja di Singapura untuk bekerja dengan seorang perempuan Vietnam yang telah berkahwin dengan orang Singapura bernama 'Hue'. Selepas dua bulan di sana Hue telah perkenalkan Tuyen dengan perayu kedua untuk ikut ke Malaysia bagi tujuan bekerja. Pada 12 Jun 2008 Tuyen telah menaiki teksi daripada Singapura ke Malaysia. Tuyen telah tinggalkan Singapura kerana hutang dan ingin mencari kerja. Sampai di Johor Bahru, dia disambut oleh kedua-dua perayu. Passport Tuyen (P5) menunjukkan bahawa dia masuk ke Singapura pada 12 Jun 2008 dan masuk ke Malaysia pada 15 April 2008 Tuyen dibawa ke Sitiawan ke rumah perayu-perayu. Setiba di sana, dia diberitahu oleh perayu kedua bahawa dia perlu bekerja sebagai pelayan di pub serta melayan pelanggan sebagai pelacur. Tuyen setuju tetapi tak suka bekerja sedemikian.

[14] Dia menjelaskan bahawa dia terpaksa bekerja sedemikian kerana perlu bergantung kepada perayu-perayu yang bawa dia masuk ke Malaysia. Juga Tuyen tidak tahu bercakap Bahasa Malaysia. Tuyen dikehendaki melayan pelanggan di rumah mereka atau di hotel. Semua pelanggan berurusan dengan perayu kedua untuk perkhidmatan Tuyen. Tuyen menyatakan dia tidak bebas bergerak keluar masuk rumah perayu-perayu kerana pintu-pintu hadapan dan belakang rumah itu sentiasa berkunci. Perayu kedua juga mengingatkan Tuyen supaya jangan keluar kerana dia tidak boleh bercakap bahasa Malaysia. Bayaran oleh pelanggan tidak diberi kepada Tuyen oleh perayu kedua kerana perayu kedua mengambilnya bagi bayaran balik tambang daripada Singapura serta bagi bil-bil api dan sewa rumah daripada 16 Jun 2008 sehingga 23 Julai 2008 apabila Tuyen telah ditangkap oleh pihak polis kerana bekerja tanpa permit kerja. Dia seperti Pham telah masuk ke Malaysia dengan hanya visa pelancong. Pada 9 September 2008 Tuyen telah bersetuju dijaminkan bersama tiga gadis Vietnam termasuk Pham bagi RM3,000 seorang oleh perayu-perayu sebab telah merasa takut berada lama dalam penjara. Apabila perayu-perayu menjaminkan mereka, mereka terpaksa kembali bekerja sebagai pelacur.

[15] Pada 23 September 2008 dia dengan Pham telah merancang untuk melarikan diri dari rumah perayu-perayu. Ianya disebabkan diberitahu oleh perayu kedua bahawa tempat pub tak selamat dan juga tidak ada kerja dan perayu-perayu bercadang nak hantarnya ke tempat lain. Pada malam itu dia dan Pham telah melarikan diri melalui pintu belakang rumah tersebut dengan melalui pintu kayu yang tak berkunci serta pintu besi yang walaupun berkunci dengan rantai, rantai tersebut agak longgar sedikit. Pada masa itu perayu-perayu tidak sedar mereka keluar kerana sedang tidur. Mengikut Tuyen kedua-dua mereka keluar dengan hanya berbaju tidur sahaja. Selepas itu mereka menyorok dalam semak dan telah mendapatkan bantuan daripada

seorang lelaki pemandu motokar. Lelaki tersebut telah membawa mereka berdua dan telah berjumpa dengan SP3 serta SP5.

[16] Dalam pemeriksan balas, Tuyen telah menyatakan bahawa perayu kedua suruh dia bekerja sebagai pelacur dan kedua-dua perayu selalu berada di pub berkenaan. Pada 23 Julai 2008 apabila ditangkap oleh pihak polis dia tak beritahu pihak polis bahawa dia tak suka bekerja sebagai pelacur kerana dia tak cakap serta tak faham Bahasa Malaysia. Dalam pemeriksaan semula Tuyen telah menjelaskan bahawa dia tak tahu cari wang di tempat lain, tak tahu bercakap atau faham bahasa Malaysia dan dia juga tak tahu kemana nak pergi untuk cari kerja. Tuyen juga menjelaskan bahawa dia takut nak beritahu hal sebenar kepada pihak polis kerana dia takut dia akan dipenjarakan.

[17] Daripada keterangan Pham dan Tuyen, kedua-dua mereka datang ke Malaysia kerana perlukan pekerjaan. Mereka berdua tidak berpelajaran tinggi dan mengalami kehidupan yang susah di Vietnam sebab kemiskinan. Pham dijanjikan pekerjaan oleh perayu kedua di Malaysia sebagai penjahit baju di kilang dan Tuyen ke Malaysia sebab tidak ada pekerjaan di Singapura. Oleh kerana tiada wang, kedua-dua mereka terhutang dengan perayu kedua, Pham pada asalnya terhutang RM3,000 tambang tiket penerbangan ke Malaysia dan Tuyen tambang teksi ke Malaysia dari Singapura. Apabila sampai ke Malaysia, mereka diarah oleh perayu kedua untuk bekerja di pusat karaoke atau pub sebagai pelayan serta sebagai pelacur kepada pelanggan yang berurusan dengan perayu kedua. Kedua-dua tidak ada pilihan kerana, pertama, kedua-dua mereka memerlukan pekerjaan; kedua, mereka berhutang wang daripada perayu-perayu bagi tambang ke Malaysia, sewa rumah, eletrik, makanan serta kemudiannya RM30 tiap-tiap seorang bagi wang jaminan di mahkamah. Juga, kedua-dua mereka tidak ada sesiapa kenalan di Malaysia serta tidak boleh faham dan bercakap dalam Bahasa Malaysia. Dalam keadaan sedemikian, perayu-perayu telah mengambil kesempatan keatas kesulitan-kesulitan Pham dan tuyen untuk memaksakan kedua-dua mereka berkerja sebagai pelacur di pusat karaoke tersebut untuk keuntungan. Mengikut Pham dan Tuyen paspot-paspot mereka disimpan oleh perayu-perayu dan mereka tidak bebas keluar masuk rumah berkenaan yang tingkapnya tertutup daripada dalam serta pintu-pintunya sentiasa berkunci.

[18] Keterangan-keterangan Pham dan Tuyen disokong oleh keterangan-keterangan SP3, SP5 dan pegawai penyiasat SP9. SP3 mengesahkan bahawa semasa pertama kali berjumpa dengan Pham dan Tuyen mereka hanya berpakaian baju tidur sahaja dan tidak berkasut serta kaki mereka ada kesan-kesan calar. Cerita masalah mereka kepada SP3 adalah konsisten dengan keterangan-keterangan mereka serta laporan polis P4. Dalam pemeriksaan semula SP3 telah menyatakan bahawa berdasarkan keadaan mereka dia percaya mereka bercakap benar. Ini adalah pemerhatian seorang

saksi bebas yang tidak ada kepentingan. Keterangan SP5 juga menyokong keterangan SP3 di mana SP3 telah menjelaskan keadaan Pham dan Tuyen semasa pertama berjumpa. Pada masa itu kedua-dua mereka dalam keadaan trauma sehingga tidak boleh menjawab soalan-soalan SP5 walaupun dalam Bahasa Vietnam. Pham dan Tuyen perlu terlebih dahulu dibawa ke rumah SP3 untuk berehat dan diberi makanan sebelum dapat tenteramkan diri dan menceritakan masalah mereka SP5 mengesahkan juga bahawa kedua-dua mereka hanya berpakaian baju tidur tanpa berkasut serta terdapat kesan calar-calar pada kaki mereka. Mereka hanya bawa satu beg bersama mereka. SP5 sebagai saksi bebas juga mengesahkan bahawa daripada pemerhatiannya Pham dan Tuyen bercakap benar.

[19] SP9 pegawai penyiasatan juga menyatakan bahawa pada masa pertama berjumpa dengan Pham dan Tuyen pada 25 September 2008 mereka masih dalam keadaan takut dan menangis. Selain daripada itu SP9 mengesahkan bahawa pusat karaoke tempat Pham dan Tuyen bekerja berkunci dan hanya boleh dibuka daripada dalam. Pintu pusat karaoke tersebut dibuka daripada tingkat atas dan dilihat terlebih dahulu melalui CCTV. SP9 juga mengesahkan bahawa tingkap-tingkap rumah perayu-perayu ditutup dan tidak boleh dilihat dalam daripada luar. Ini semua menyokong keterangan Pham dan Tuyen.

[20] Mereka berjumpa dengan pelanggan-pelanggan bagi tujuan pelacuran di hotel dan rumah-rumah pelanggan dengan dihantar oleh perayu pertama dengan motokar. Mereka diingatkan oleh perayu kedua mengenai hutang mereka kepada perayu-perayu. Oleh kerana terlalu lama dalam penjara dan ketiadaan wang Pham dan Tuyen akhirnya setuju dijaminkan oleh perayu-perayu. Apabila sampai ke rumah perayu-perayu dan mendengar bahawa perayu-perayu bercadang menghantarkan kedua-dua mereka ke tempat lain bagi meneruskan pekerjaan pelacuran, barulah kedua-dua mereka buat keputusan untuk melarikan diri daripada rumah perayu-perayu. Keterangan Pham dan Tuyen meyakinkan kerana jika mereka tidak mengalami trauma dan kerisauan sudah tentu mereka tidak perlu melarikan diri pada waktu malam dengan hanya berpakaian baju tidur, tak berkasut serta tanpa paspot mereka. Cara kedua-dua mereka terpaksa keluar daripada rumah tersebut mengesahkan bahawa pergerakan kedua-dua mereka dikawal ketat oleh kedua-dua perayu dengan pintu-pintu rumah sentiasa berkunci dan kunci dipegang hanya oleh perayu-perayu. Jelas daripada segi kesalahan di bawah s 13 Akta, kedua-dua mereka merupakan orang-orang yang diperdagangkan dan dieksploitasi oleh perayu-perayu dengan cara bukan saja telah diperdayakan oleh perayu-perayu tetapi juga dengan cara ancaman ke atas kedua-dua Pham dan Tuyen. Juga daripada segi s 13, perayu-perayu juga telah menyalahgunakan kedudukan bermasalah Pham dan Tuyen yang terhutang wang kepada perayu-perayu serta tidak boleh berbahasa Malaysia. Pham dan Tuyen juga tidak ada siapa kenalan di Malaysia serta tidak mempunyai permit kerja untuk

bekerja secara sah di Malaysia. Perayu-perayu telah mengambil kesempatan dengan mengawal ketat kebebasan kedua-dua Pham dan Tuyen.

[21] Keterangan pihak pendakwaan jelas menunjukkan bahawa kedua-dua perayu mempunya niat bersama dalam melakukan kesalahan di bawah s 13 Akta. Walaupun perayu kedua yang mula memperdayakan Pham untuk datang ke Malaysia dari Vietnam, sebaik sahaja Pham masuk ke Malaysia perayu pertama terlibat secara langsung dengan menguruskan Pham dalam kegiatan pelacuran. Perayu pertama mengawal kedua-dua mereka dalam urusan pergi hotel dan rumah pelanggan-pelanggan bagi tujuan tersebut. Rumah di mana kedua-dua mereka tinggal bersama perayu juga dikawal dengan pintu-pintu sentiasa berkunci dengan anak kunci dipegang hanya oleh perayu-perayu. Tingkap-tingkap rumah tersebut juga ditutup sentiasa supaya tidak nampak daripada luar. SP9 mengesahkan keadaan pintu dan tingkap-tingkap rumah perayu-perayu seperti mana dinyatakan oleh Pham dan Tuyen serta juga keadaan kawalan pintu pusat karaoke dimana Pham dan Tuyen bekerja. Niat bersama biasanya sukar nak dibuktikan dengan secara langsung tetapi biasanya diinfer daripada keseluruhan keterangan (*(1)Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336). Dalam kes ini keterangan-keterangan pihak pendakwaan jelas menunjukkan bahawa kedua-dua perayu mempunyai niat bersama memperdagangkan Pham dan Tuyen. Pada peringkat ini tiada apa-apa keterangan, cadangan atau cabaran keatas kebenaran keterangan-keterangan Pham dan Tuyen. Oleh yang demikian, atas perkara-perkara sepertimana dinyatakan diatas saya setuju bahawa Mahkamah sesyen telah tepat dalam ketetapannya bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua perayu yang mana jika tidak disangkal atau dijelaskan akan mengakibatkan kedua-dua perayu disabitkan (ss 173(h)(iii) dan 180(3) Kanun Acara Jenayah).

[22] Perayu pertama dalam pembelaannya menyatakan bahawa pada 10 Julai 2008 dia ke KLIA untuk jemput isterinya (perayu kedua) dan Pham ada ikut perayu kedua. Pham dan Tuyen adalah kawan perayu kedua. Kedua-dua mereka sewa bilik di rumah perayu-perayu dengan sewa RM800 sebilik. Mengikut perayu pertama, oleh kerana mereka merupakan kawan perayu kedua mereka bebas punyai telefon bimbit masing-masing serta kunci rumah. perayu pertama nafi pernah terima panggilan telefon daripada sesiapa untuk membawa Pham dan Tuyen keluar untuk melacur. Dia juga nafi pernah membeli tiket penerbangan untuk Pham. Mengikut perayu pertama Pham dan Tuyen selalu tangguh membayar sewa dan dia memarahi mereka. Pham dan Tuyen mengikut perayu pertama selalu kelihatan berjudi. Tuyen mengikut perayu pertama mempunyai teman lelaki bernama Lim Wee Lee. Perayu tidak suka Lim Wee Lee datang ke rumahnya dan membawa keluar Pham dan Tuyen keluar berhibur ke disco dan pub. Perayu pertama pernah bergaduh dengan

Lim Wee Lee atas perkara tersebut. Antara sebab Pham dan Tuyen selalu tangguh bayar sewa adalah kerana suka berjudi dan selalu kalah judi. Juga mereka terpaksa belanja besar-besar bila ikut Lim untuk minum arak. perayu pertama menyatakan dia tidak tahu pekerjaan sebenar Pham dan Tuyen.

[23] Pada 23 Julai 2008 perayu pertama diberitahu melalui telefon oleh perayu kedua bahawa Pham dan Tuyen telah ditangkap oleh polis di pusat karaoke. Pada 9 September 2008 Pham dan Tuyen telah menangis meminta perayu pertama menjamin mereka. Perayu pertama telah meminjam wang abangnya untuk menjamin Pham dan Tuyen. Mengikut perayu pertama, selepas dijamin mereka masih lagi keluar dengan Lim Wee Lee. Perayu sedar tanggungjawabnya sebagai penjamin dan tidak mahu apa-apa masalah apabila Lim Wee Lee membawa mereka keluar rumah. Pada 8 Oktober 2008 mengikut perayul, dia dan perayu kedua ditangkap kerana tuduhan Pham dan Tuyen sebab mahu langsaikan wang sewa dan wang jamin kepadanya dan mereka mungkin rindu keluarga mereka di Vietnam. Pada pendapat perayu pertama, Lim Wee Lee yang ajar mereka membuat tomahan terhadap perayu-perayu. Akhir sekali, mengikut perayu Pham dan Tuyen telah dibawa keluar oleh Lim pada 22 September 2008 jam 10 malam. Dalam pemeriksaan balas, perayu pertama mengakui bahawa walaupun dia mengetahui Pham dan Tuyen keluar rumah dengan Lim Wee Lee pada 22 September 2008 sehinggalah pada 8 Oktober 2008 semasa dia dan perayu kedua ditangkap polis, dia tidak ada buat apa-apa laporan polis. perayu pertama tidak setuju bahawa sebagai penjamin kepada Pham dan Tuyen, walaupun mereka telah tidak balik dekat dua minggu, dia perlu buat laporan polis.

[24] Keterangan perayu kedua pula adalah seperti berikut: Pada 10 Julai 2008 dia telah datang ke Malaysia dari Vietnam dan Pham telah ikut bersama. Pham telah memohon tiket penerbangannya sendiri. Pham adalah kawan perayu kedua. Perayu kedua tak ada janji apa-apa kerja atau paksa Pham datang ke Malaysia. Pham pernah sebelum itu pergi ke Singapura untuk jalankan aktiviti pelacuran. Setelah dia tidak boleh pergi ke Singapura, dia telah balik ke Vietnam dan jalan aktivitikan pelacuran. Perayu tidak pernah paksa Pham dan Tuyen untuk jadi pelacur. Pada 10 Julai 2008 Tuyen datang dari Singapura. Hue yang suruh dia datang ke Malaysia. perayu pertama tidak ajak Tuyen. Perayu pertama dan perayu kedua ambil Tuyen di Johor dari Sitiawan. Kedua-dua mereka bebas bergerak dan ada kunci rumah masing-masing. Perayu pertama nafi pernah berurusan dengan mana-mana orang untuk tujuan melacurkan mereka. Perayu pernah minta sewa rumah dan wang makanan daripada Pham dan Tuyen tetapi mereka tak pernah bayar walaupun sekali pun. Perayu pertama belikan makanan dan masak untuk mereka. Lim Wee Lee merupakan teman lelaki Tuyen. Perayu pertama pernah bertengkar dengan

Lim Wee Lee dan pergaduhan lebih serius selepas Pham dan Tuyen ditangkap oleh polis. Pham dan Tuyen minta Lim mencari pelanggan untuk aktiviti pelacuran.

[25] Perayu pertama tahu bahawa Pham dan Tuyen beri wang kepada Lim supaya Lim bawa mereka untuk berhibur dan berjudi serta untuk aktiviti pelacuran. Semasa Tuyen tinggal bersama perayu-perayu dia tiada tanda-tanda trauma. Dia selalu keluar hampir setiap hari untuk berhibur dan tidak ingin balik ke Vietnam. Pada 23 Julai 2008 empat daripada gadis-gadis Vietnam termasuk Pham dan Tuyen ditangkap oleh polis. Kedua-dua perayu ada pergi ke mahkamah untuk menjamin mereka. Perayu pertama tidak mahu jamin Pham dan Tuyen kerana dia pernah beri amaran kepada mereka supaya tidak bersuka ria di luar dan lakukan hal-hal yang bukan-bukan. Apabila keluarga mereka telefon dari Vietnam dan minta tolong dan Pham dan Tuyen telah berjanji akan berkelakuan baik, perayu pertama pinjam wang daripada abangnya untuk jaminkan mereka berdua. Perayu-perayu tidak pernah terima sesen pun daripada Pham dan Tuyen, malah mereka yang berhutang kepada perayu-perayu. Mereka tidak ada wang kerana kuat berjudi sehingga mengabaikan waktu makan pun. Perayu pertama menjamin mereka kerana mereka telah menangis terdesak-desak dan bersumpah tidak akan berjudi dan akan berkelakuan baik. Selepas dijamin meraka masih keluar dengan Lim Wee Lee.

[26] Pada 22 September 2008 rakan-rakan Pham dan Tuyen lihat Lim Wee Lee datang membawa Pham dan Tuyen keluar bawa beg dengan beberapa pakaian. Pada 8 Oktober 2008 kedua-dua perayu ditangkap oleh pihak polis. Dalam pemeriksaan semula perayu kedua menyatakan bahawa dia dan perayu pertama ambil Tuyen di Johor dari Sitiawan sebab Tuyen adalah kawannya. Walaupun tahu Tuyen suka melacur dan berjudi dia sanggup ambil tinggal dengannya sebab tak sampai hati tak tolong. Perayu pertama tak setuju dia dan perayu pertama sanggup ke Johor dari Sitiawan mengambil Tuyen kerana akan dapat keuntungan. Pada 10 Julai 2008 perayu pertama datang ke KLIA untuk ambil perayu kedua bersama Pham sebab Pham adalah kawan perayu kedua. perayu kedua terpaksa pujuk Pham yang menangis di khalayak ramai dan bawa Pham balik ke Sitiawan. Pham dan Tuyen tiada bantuan daripada orang tempatan. Bila disuruh balik ke Vietnam, Pham dan Tuyen kata mereka ingin mencari lelaki tempatan untuk berkahwin. Selepas mereka ditangkap hubungan perayu pertama dengan teman lelaki mereka bertambah buruk. perayu kedua pernah maklum kepada Pham dia ada tempat tinggal tetapi tiada kerja. Apabila disoal kenapa walaupun mengetahui Pham dan Tuyen tidak bekerja mereka dibenar sewa bilik di rumah, perayu kedua menyatakan dia suruh mereka pindah, tetapi kata tiada wang. Semasa tinggal di rumah perayu-perayu mereka berhutang sewaan bilik. Perayu-perayu sanggup jaminkan Pham dan Tuyen sebab mereka menangis dan perayu kedua lembut

hati. Lim Wee Lee bawah Pham dan Tuyen keluar makan dan perkenalkan mereka dengan pelanggan-pelanggan yang akan beri wang kepada mereka. Jadi mereka ada wang untuk berhibur dengan Lim.

[27] Pembelaan perayu-perayu dengan ringkas, merupakan penafian terlibat dengan kesalahan pemerdagangan Pham dan Tuyen atau dengan eksploitasi dan apa-apa perdayaan terhadap mereka. Walau bagaimanapun, apabila diteliti pembelaan tersebut, adalah didapati bahawa ianya merupakan pembelaan yang lemah dan bercanggah. Perayu-perayu mempersalahkan seorang bernama 'Lim Wee Lee' yang bertanggungjawab memperdagangkan Pham dan Tuyen. Mengikut perayu-perayu Lim merupakan teman rapat Tuyen dan kedua-dua Pham dan Tuyen selalu keluar dengan Lim untuk bersuka ria. Lim ialah orang yang mendapatkan pelanggan bagi Pham dan Tuyen bagi aktiviti pelacuran mereka. Juga, Pham dan Tuyen bayar Lim daripada pendapatan mereka dalam aktiviti pelacuran untuk bersukaria bersama Lim. Apa yang ketara sekali mengenai perkara ini ialah bahawa dalam pemeriksaan balas Pham dan Tuyen, pihak perayu-perayu tidak langsung bangkit, cabar atau cadangkan mengenai Lim dan aktiviti-aktiviti pelacuran bersama Lim kepada mereka. Pham dan Tuyen tidak dapat peluang menjawab, menafi atau menjelaskan mengenainya. Mengenai perkara ini peguam perayu-perayu berhujah bahawa pada masa pemeriksaan balas Pham dan Tuyen di Mahkamah Majistret Manjung antara hujung tahun 2008 hingga pada awal tahun 2009 perayu-perayu tidak tahu peranan Lim bersubahat dengan Pham dan Tuyen untuk menganiayai perayu-perayu.

[28] Penghujahan peguam tersebut tidak boleh diterima kerana keterangan Pham dan Tuyen adalah terperinci mengenai kesalahan pemerdagangan mereka oleh perayu-perayu dengan eksploitasi keadaan mereka dengan menghendakkan mereka berkerja sebagai pelacur. Jika benar mengikut perayu-perayu pada setiap masa berkenaan Lee yang eksploitasi Pham dan Tuyen dengan melibatkan mereka dengan aktiviti pelacuran sudah tentu perkara tersebut dibangkitkan dalam pemeriksaan balas Pham dan Tuyen. Perkara tersebut mengikut perayu-perayu kononnya berlaku selalu kerana Pham dan Tuyen selalu keluar dengan Lim untuk bersuka ria serta untuk aktiviti pelacuran. Mengikut perayu kedua, selepas dijaminkan Pham dan Tuyen masih keluar dengan Lim untuk bersukaria dan aktiviti pelacuran. Juga tidak benar kononnya perayu-perayu baru sahaja tahu Lim terlibat kerana mengikut perayu kedua, dia diberitahu oleh Aniem, rakan sebilik Pham dan Tuyen, Lim telah bawa mereka keluar rumah membawa beg dengan beberapa helai pakaian (ms 112 rekod rayuan). Perayu pertama juga mengesahkan bahawa dia tahu bahawa pada 10 malam 22 September 2008 Pham dan Tuyen dibawa keluar oleh Lim daripada rumah. Pihak perayu-perayu juga tidak mencadangkan kepada Pham dan Tuyen semasa pemeriksaan balas bahawa Lim yang membantu mereka dengan membawa mereka ke Ipoh pada

23 September 2008 adalah orang yang sama dengan Lim Wee Lee. Kedua-dua perayu juga dalam keterangan mereka tidak ada apa-apa cadangan sedemikian. Dalam keadaan kes ini di mana pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie yang jelas, kegagalan perayu mencadang kepada Pham dan Tuyen semasa diperiksa balas dan ianya hanya pada pertama kali dibangkitkan dalam kes pembelaan, jelas perkara berkenaan merupakan satu pemikiran terkemudian (*Alcontara a/l Ambroses Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209; *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236 dan *Aik Ming (M) Sdn Bhd & Ors v Chang Ching Cheun & Ors and another appeal* [1995] 2 MLJ 770; [1995] 3 CLJ 639).

[29] Jika benar mengikut perayu-perayu bahawa Pham dan Tuyen bebas untuk keluar masuk rumah dan mempunyai kunci rumah masing-masing, apakah perlunya Pham dan Tuyen mencuri keluar rumah pada larut malam dengan berpakaian baju tidur, tak berkasut dan membawa hanya satu beg sahaja. Baju-baju lain mereka sebenarnya perlu diambil kemudian selepas laporan polis oleh Pham (P4) dengan kembali balik ke rumah itu bersama pegawai penyiasat (SP9). Kedua mereka semasa keluar rumah tanpa ada *passport* mereka yang disimpan oleh perayu-perayu. Keadaan Pham dan Tuyen sudah tentu terdesak dalam keadaan tersebut kerana sebagai tambahan mereka tidak boleh faham atau bercakap Bahasa Malaysia. Jika benar Pham dan Tuyen selalu keluar dengan Lim untuk bersuka ria serta hendak mengelak membayar hutang mereka kepada perayu-perayu, sudah tentu mudah sahaja mereka boleh tinggal rumah perayu-perayu bila-bila masa dengan Lim tanpa dalam keadaan trauma dan terdesak. Keadaan terdesak Pham dan Tuyen disahkan oleh SP3, SP5 dan pegawai penyiasat SP9. Ketiga-tiga ini adalah saksi bebas dan tidak ada kepentingan apa-apa. Perhatian mereka penting dan selaras serta tak dicabar oleh perayu-perayu. Perkara ini tidak dicabar oleh perayu-perayu dalam pemeriksaan balas Pham dan Tuyen.

[30] Mengikut perayu kedua Pham dan Tuyen berhutang dengan perayu bagi tambang tiket penerbangan dari Vietnam dan tambang teksi daripada Johor Bahru, Mersing. Juga kedua-dua mereka mengikut perayu kedua tidak bayar satu sen pun hutang tersebut termasuk bayaran sewa rumah, eletrik dan makanan serta tambang pengangkutan kapal terbang dan dengan motokar. Perkara ini tidak munasabah kerana Pham dan Tuyen tinggal di rumah perayu mulai dari 12 Jun 2008 dan 10 Julai 2008 masing-masing. Walaupun tidak dibayar satu sen pun kenapa perayu-perayu sanggup terus terima Pham dan Tuyen di rumah mereka dan masak serta beri makanan termasuk bawa mereka ke tempat-tempat berkenaan dengan motokar sehingga 22 September 2008? Mengikut perayu-perayu, kononnya Pham dan Tuyen dapat bayaran daripada pelanggan yang dicarikan oleh Lim tetapi hanya bayar kepada Lim untuk bersuka ria dan berjudi. Juga dalam keadaan sedemikian, apabila Pham dan Tuyen ditangkap oleh pihak polis dan dihadapkan ke Mahkamah, kenapa

perayu-perayu sanggup jaminkan Pham dan Tuyen? Kalau Lim benar-benar rapat dengan Pham dan Tuyen, sudah tentu mereka dijaminkan oleh Lim. Juga sedemikian jika Lim ada kepentingan untuk terus melacurkan Pham dan Tuyen.

[31] Jawapan yang munasabah ialah perayu-perayu ingin sambungkan eksploitasi ke atas Pham dan Tuyen dengan mengetahui bahawa jaminan RM3,000 masing-masing akan menambahkan hutang Pham dan Tuyen kepada perayu-perayu. Pham dan Tuyen berada dalam keadaan terdesak kerana tiada kewangan, tidak kenal sesiapa serta tiada permit kerja untuk bekerja di Malaysia. Mereka terpaksa akhirnya minta pertolongan perayu-perayu untuk jaminkan mereka kerana pada tarikh jaminan 9 September 2008 mereka berada dalam tahanan selama 1 1/2 bulan. Jika perayu pertama adalah penjamin yang sebenarnya tiada apa-apa muslihat terhadap Pham dan Tuyen, sudah tentu apabila Pham dan Tuyen melarikan diri, perayu pertama akan buat laporan polis akan memberitahu mahkamah sebagai tanggungjawab penjamin. Dia ada kepentingan ke atas wang jaminan yang didepositkan di mahkamah dan akui dia tahu tanggungjawabnya sebagai seorang penjamin. Jawapannya sudah tentu kerana perayu-perayu sedar dengan pelarian Pham dan Tuyen, rahsia kesalahan pemerdagangan mereka akan terbongkar.

[32] Perayu-perayu menegaskan bahawa kedatangan Pham dan Tuyen ke Malaysia adalah secara kebetulan dan dengan kerelaan Pham dan Tuyen sendiri. Perayu-perayu kononnya tidak paksa dan janji apa-apa pekerjaan kepada Pham dan Tuyen. Perkara ini juga tidak munasabah. Cerita perayu-perayu bahawa hanya apabila tiba di KLIA daripada Vietnam baru Pham sedar dia tidak ada sesiapa kenalan di Malaysia dan tidak ada ke mana nak pergi dan dengan itu menangis terdesak-dedak memohon pertolongan daripada perayu kedua tak masuk akal. Mustahil Pham hanya sedar keadaannya hanya apbila tiba ke KLIA. Sudah tentu Pham ikut perayu kedua daripada Vietnam kerana janji-janji perayu kedua kepada Pham. Mustahil dua orang Vietnam yang berpelajaran setaraf darjah 5 dan tingkatan 1 sahaja, dengan tiada sesiapa kenalan di Malaysia serta tidak faham Bahasa Malaysia tanpa apa-apa sebab yang tertentu akan ke Malaysia. Pham dan Tuyen juga tidak ada permit kerja untuk bekerja di Malaysia. Pham mengikut perayu kedua daripada Vietnam dan disambut oleh perayu pertama di KLIA setibanya di Malaysia. Tuyen disambut oleh perayu-perayu di Johor Bahru. Perayu pertama sanggup datang daripada Sitiawan ke KLIA dan kedua-dua perayu sebelum itu datang ke Johor Bahru dan bawa balik kedua-dua mereka masing-masing ke Sitiawan ke rumah mereka. Usaha perayu-perayu bersusah payah pergi jemput dan membawa Pham dan Tuyen balik ke Sitiawan tidak mungkin satu perkara secara kebetulan tetapi memang dirancangkan terlebih dahulu oleh perayu-perayu. Mustahil juga bahawa kehadiran empat gadis Vietnam yang bekerja di pusat karaoke di rumah perayu-perayu adalah satu

perkara secara kebetulan. Daripada penelitian maksima semua keterangan dalam kes ini adalah didapati bahawa perayu-perayu telah gagal menyangkal kes pendakwaan dengan membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah.

[33] Akhir sekali, peguam perayu-perayu ada berhujah bahawa pihak pendakwaan telah tidak menyebut dalam pertuduhan kesalahan pemerdagangan berkenaan cara perayu-perayu eksploitasi Pham dan Tuyen. Mengenai penghujahan ini, jawapan pendeknya adalah peruntukan s 156 Kanun Acara Jenayah. Mengikut peruntukan tersebut, apa-apa peninggalan dalam pertuduhan tidak material sekiranya tertuduh tidak terkeliru atau tidak berlaku ketidakadilan (*C Mohammad v Public Prosecutor* [1974] 1 MLJ 25; *Low Seng Wah v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 107 dan *Pie bin Chin v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 234). Dalam kes ini kedua-dua perayu tidak terkeliru mengenai pertuduhan terhadap mereka dan selain daripada diwakili oleh peguam, kedua-dua mereka telah memberi keterangan-keterangan yang jelas dengan memahami kes terhadap mereka. Mereka faham kesalahan pertuduhan pemerdagangan dan telah kaitkan kesalahannya dengan Lim Wee Lee. Tiada apa-apa ketidakadilan bangkit akibat peninggalan dalam pertuduhan berkenaan. Oleh yang demikian rayuan oleh perayu-perayu ditolak dan keputusan serta hukuman mahkamah sesyen dikekalkan.

[34] Kesalahan pemerdagangan orang telah mendapat perhatian Bangsa-Bangsa Bersatu daripada tahun 2000 lagi. Pada tahun 2007 Malaysia telah diletakkan pada peringkat ketiga oleh laporan 'Trafficking in Person's Report' oleh *Department of State,* Amerika Syarikat yang mengeluarkan laporan tahunan atas tindakan kerajaan-kerajaan sedunia berkaitan usaha-usaha membenteras dan membasmi pemerdagangan orang. Petikan daripada laporan tersebut adalah seperti berikut:

> Malaysia is a destination country and to a lesser extent, a source and transit country for women and children trafficked for the purpose of commercial sexual exploitation; it is also a destination for men, women and children who migrate voluntarily to Malaysia seeking employment, but who are later subjected to conditions of force labor as domestic workers, or in the agricultural, construction, or industrial sectors. Foreign victims of sex trafficking in Malaysia, mainly women and girls, from Indonesia, Thailand, the Philippines, Cambodia, Vietnam, Burma and the People's Republic of China (PRC) are frequently recruited with the promise of a job as a domestic worker, food service or factory worker.
>
> Malaysia is placed on Tier 3 for its failure to show satisfactory progress in combating trafficking in persons, particularly in the areas of punishing acts of trafficking, providing adequate shelters and social services to victims, protecting its migrant workers from involuntary servitude and for not prosecuting traffickers who were arrested and detained under preventive laws …

(The 2007 US Department of State Trafficking in Persons Report).

[35] Sebagai meningkatkan usaha membenteras jenayah pemerdagangan orang, Parlimen telah meluluskan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007. Kesalahan pemerdagangan seperti mana dalam kes ini merupakan satu kesalahan yang serius yang mendapatkan pemerhatian sedunia. Hukuman 10 tahun penjara dan denda RM2,000 (gagal bayar dua bulan penjara) yang dikenakan oleh mahkamah sesyen terhadap perayu-perayu adalah tepat dan memenuhi kehendak-kehendak kepentingan awam serta pencegahan. Kesalahan pemerdagangan orang untuk keuntungan perlu diketahui oleh semua yang terlibat dan yang bercadang terlibat sebagai satu kesalahan yang tidak akan dapat belas kasihan oleh mahkamah jika disabitkan.

Rayuan perayu-perayu ditolak dan keputusan dan hukuman mahkamah sesyen dikekalkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamad